

SULH, PERUNDINGAN (BIASA), HAKAM DAN TIMBANGTARA/PERBICARAAN

a. SULH

Mudah diadakan

- dibuat atas kehendak bersama dan sukarela

Sukarela (bebas mengambil bahagian & bebas tidak membuat keputusan)

- perbincangan melihat kepada kepentingan dan keperluan pihak-pihak hasilnya penyelesaian secara damai.

Rahsia (antara pihak-pihak dan pegawai sulit sahaja)

- isu perbincangan adalah focus masa depan.

Mempermudah (pegawai sulu hanya membantu dan memandu perundingan tetapi pihak-pihak yang membuat keputusan)

- proses tidak formal dan fleksibel serta pihak-pihak menyertai perbincangan sepenuhnya.

- Fokus masa lampau – apa yang telah berlaku
- Proses formal – ada prosedur khas
- Penyertaan pihak adalah terhad sesuai prosedur yang ada

KELEBIHAN-KELEBIHAN SULH

- Dapat menjimatkan kos dan masa pihak-pihak
- Perundingan adalah bersifat terpimpin bukannya dominasi sebelah pihak
- Perundingan melihat kepentingan masa akan datang pihak-pihak bukannya mengungkit dan menyalahkan pihak lain
- Penyelesaian secara terbuka dan sukarela (keredaan) bukannya melepaskan dendam.



JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

SULH

www.jksm.gov.my



b. PERUNDINGAN (BIASA)

- Pihak-pihak tidak sama kuat dan biasanya terputus-putus.
- Tiada pihak yang memandu dan mengatur/mengurus perundingan.
- Terdedah kepada banyak faktor luar.

c. HAKAM

- Pihak-pihak menyerahkan sepenuhnya kepada (hakam) untuk membuat keputusan bagi pihak mereka.

d. TIMBANGTARA DAN PERBICARAAN

- Bersifat bermusuhan (keterangan yang diberi untuk menegakkan hak masing-masing saja)
- Keputusan penimbangtara/hakim



ASAS PERLAKSANAAN

Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Dan jika dua puak dari orang-orang yang beriman berperang, maka damaikanlah di antara keduanya”
(Surah al-Hujrat: 9)

Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

“Dan jika seorang perempuan bimbang akan timbul dari suaminya nusyuz (kebencian) atau tidak melayaninya, maka tiadalah salah bagi mereka (suami isteri) membuat perdamaian di antara mereka berdua (secara yang sebaik-baiknya) kerana perdamaian itu lebih baik (bagi mereka daripada bercerai-berai)”

(Surah an-Nisa': 128)

Sabda Nabi s.a.w yang bermaksud:

“perdamaian (sulh) itu diharuskan (dalam urusan) di antara kaum Muslimin, kecuali sulh dalam hal mengharamkan sesuatu yang halal dan menghalalkan sesuatu yang haram”

(Hadis Riwayat at-Tarmizi dan beliau menilainya Sahih-Kitab Subul as-salam)

PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG

- Seksyen 99, Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Selangor 2003)
- Kaedah-Kaedah Tatacara Mal (Sulh) Selangor 2001 (KTMSS01)
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Selangor 2003 (UEKIS03)

TUNTUTAN & PEMOHONAN BOLEH MELALUI PROSES SULH

Antara tuntutan atau pemohonan yang boleh diselesaikan melalui kaedah Sulh adalah:

- a. Tuntutan kerana melanggar janji untuk berkahwin / pertunungan
- b. Tuntutan-tuntutan berbangkit dari suatu perceraian seperti:
 - Mut'aah
 - Nafkah 'Iddah
 - Nafkah Tertunggak
 - Harta Sepencarian
 - Hutang Maskahwin
 - Hal-hal lain yang difikirkan munasabah
- c. Tuntutan Hak Jagaan Anak (Hadhanah) dengan melihat kepentingan anak-anak tersebut dalam tempoh perkahwinan mahupun selepas penceraian.
- d. Tuntutan Nafkah Anak
- e. Permohonan Perlaksanaan Perintah Mahkamah

FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN SULH BERJAYA

- Kedua-dua pihak bersungguh-sungguh untuk menyelesaikan tuntutan luar mahkamah.
- Kedua-dua pihak sedia memberi dan menerima serta bersedia berunding

secara ikhlas dan terbuka bukannya secara emosi/membalas dendam

- Kedua-dua pihak sedar bahawa penyelesaian adalah bagi kepentingan di masa hadapan.
- Kedua-dua pihak sedar pro dan kontra jika kes dibawa kepada perbicaraan.

FAKTOR-FAKTOR YANG MENYEBABKAN SULH GAGAL

- Salah satu pihak atau kedua-duanya tidak ada keupayaan untuk membuat sebarang keputusan
- Salah satu pihak atau kedua-duanya tiada komitmen sebenar untuk menyelesaikan pertikaian
- Salah satu pihak atau kedua-duanya tiada persediaan sewajarnya
- Salah satu pihak atau kedua-duanya tiada maklumat untuk membuat keputusan.



Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia
Aras 2, 3 & 4, Blok D7, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62677 Putrajaya
Tel: 03-88864800 Fax: 03-88891627